

### 1. Pegawai khas menteri dituduh rasuah

SHAH ALAM: Seorang pegawai khas menteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dakwaan menerima rasuah berjumlah RM80,000, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Zailan Jauhari, 47, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Asmadi Hussin selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, Zailan didakwa menerima rasuah secara tunai berjumlah RM20,000 dan dalam bentuk sekeping cek Bank Islam Malaysia Berhad bertarikh 10 Januari 2014 berjumlah RM60,000 daripada individu bernama Siti Rahmah Sabil.

Bayaran itu sebagai upah melakukan transaksi bagi syarikat KCM Maju Resources dan Syarikat Sri Kajang Jaya mendapatkan tender kerja pembersihan sekolah di Zon 2 dan Zon 4 dalam daerah Kuala Selangor daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Perbuatan itu dilakukan di Mak Engku Steambot & Grill, Taman Bendahara Kuala Selangor, antara jam 7.30 malam hingga 8 malam, 8 Januari 2014.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai suapan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Heikal Ismail manakala Zailan diwakili peguam Fadzil Manan.

Hakim menetapkan RM30,000 sebagai jumlah jaminan selain mengarahkan tertuduh melaporkan diri ke Pejabat SPRM Shah Alam setiap bulan.

## 2. RM1.5 juta bangunkan Hab Nelayan Sungai Sembilang

IJOK: Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan peruntukan RM1.5 juta bagi membangunkan Pangkalan Nelayan Sungai Sembilang, Kuala Selangor, sebagai hab nelayan.

Perdana Menteri berkata, pembangunan hab itu akan meningkatkan pendapatan nelayan dua kali ganda, selain meningkatkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke daerah Kuala Selangor.

"Pagi ini saya jumpa sendiri nelayan dan tanya mereka dan mereka akui pendapatan meningkat sejak kerajaan berusaha atasi isu orang tengah yang kaut keuntungan.

"Jadi, hab nelayan ini secara tidak langsung hapuskan orang tengah. Malah, nelayan pesisir pantai dan sungai tetap menerima elaun sara hidup bulanan RM300.

"Kerajaan Barisan Nasional akan terus bawa perubahan kepada Kuala Selangor dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat di Parlimen ini," katanya berucap dalam Program 'Jom Bantu Rakyat' bagi Parlimen Kuala Selangor di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim.

Program 'Jom Bantu Rakyat' yang dilancarkan pada 20 Januari lalu adalah cetusan idea Perdana Menteri sendiri. Parlimen Kuala Selangor adalah program kedua program itu, selepas Parlimen Titiwangsa.

'Jom Bantu Rakyat' membolehkan kerajaan menyalurkan bantuan kepada setiap kawasan parlimen mengikut kesesuaian serta keperluan masyarakat setempat.

Terdahulu Najib turut melancarkan monumen Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Sekolah Kebangsaan Ijok, yang juga monumen TN50 pertama di negara ini.

**3. SPRM rakam percakapan lebih 5 individu**

*Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tan Sri Annuar Musa keluar dari Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya selepas memberi keterangan selama empat jam berhubung isu penajaan bola sepak Kelantan oleh anak syarikat MARA, iaitu Pelaburan MARA Berhad (PMB) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). - Foto Aizuddin Saad*

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah merakam percakapan lebih lima individu setakat hari ini yang dipercayai dapat membantu siasatan berhubung dakwaan ke atas Tan Sri Annuar Musa.

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan hari ini pihaknya telah merakam percakapan Annuar berhubung penyelewengan dan salah guna kuasa beliau ketika menyandang jawatan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA).

"Beliau yang menghadirkan diri ke pejabat SPM secara sukarela pada pagi ini memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pasukan penyiasat," katanya.

Dalam pada itu, SPRM meminta semua pihak untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung siasatan kes dan memberikan ruang kepada suruhanjaya itu untuk menjalankan siasatan.

#### 4. Kaji implikasi terhadap teks Perlembagaan

Sekumpulan masyarakat civil mencadangkan supaya Rukun Negara dijadikan mukadimah Perlembagaan Persekutuan. Mukadimah atau *preamble* boleh diterjemahkan sebagai pernyataan atau pengenalan. Tujuannya untuk memberi gambaran umum dan ringkas, menyatakan tujuan serta mencipta semangat kekitaan dan juga menjelaskan kekaburuan.

Cadangan yang dikemukakan itu adalah besar, sekali gus mempunyai implikasi besar kerana membabitkan Perlembagaan, iaitu undang-undang tertinggi negara. Cadangan ini memerlukan pemikiran dan kajian mendalam dalam pelbagai perkara. Kajian perlukan engagement, perincian dan penerangan lebih menyeluruh atau bersepodu, sekurang-kurangnya bidang perundangan, sosiologi dan sejarah.

Ia perlukan penyertaan menyeluruh pihak berkaitan seperti saksi pembentukan Perlembagaan Persekutuan dan saksi kepada pewujudan Rukun Negara ketika pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), kumpulan yang mewakili Raja-Raja serta kumpulan kecil lain seperti Orang Asli dan seumpamanya.

Saya membaca di akhbar dan mendengar penerangan mengenai alasan kenapa Rukun Negara perlu dijadikan mukadimah. Ia berkisar kepada ketidakupayaan Rukun Negara mendapat perhatian, amalan dan penghayatan warga Malaysia.

Saya agak berhati-hati dalam isu ini kerana pada pengamatan saya, penghayatan kepada Rukun Negara boleh menjadi lebih berkesan dengan pemerkasaan sistem pendidikan dan dasar negara berkaitan aspek yang ditekankan dalam matlamat dan prinsip Rukun Negara.

#### Diperkasa melalui perundangan lain

Penghayatan kepada Rukun Negara tidak semesti secara mudah boleh berlaku dengan memasukkan dalam Perlembagaan. Ia perlukan usaha dalam bentuk lain.

Bagi tujuan mendapatkan pengesahan undang-undang kepada Rukun Negara, ia boleh diperkasa melalui perundangan lain, bukan Perlembagaan. Ia boleh diterjemahkan ke dalam perundangan jenayah, misalnya. Sebagai contoh, pindaan telah dilakukan kepada Kanun Keseksaan dengan menjadikan kesalahan dalam seksyen seperti, 124B hingga 124F.

Ada juga kesan positif jika Rukun Negara dijadikan mukadimah. Antara lain, ia boleh memberi gambaran umum mengenai pengisian Perlembagaan Persekutuan sebagai panduan kepada mahkamah dalam mentafsir Perlembagaan.

Keduanya, Rukun Negara berada dalam undang-undang tertinggi negara secara harfiah, walaupun inti pati sudah sekian lama mengakar dalam Perlembagaan. Walaupun ada kesan positif, saya lebih berhati-hati kepada kesan negatifnya juga. Antara lain, kesan negatif yang mungkin timbul ialah:

Pertama, ia membuka lebar pengisian Perlembagaan kerana istilah yang digunakan agak luas berbanding teks Perlembagaan. Rukun Negara mempunyai prinsip yang meluas, tetapi berbeza dengan dimensi pengisian teks Perlembagaan. Sebagai contoh, Perlembagaan mengandungi aspek keadilan sosial lebih jelas dan terperinci.

Begitu juga dengan keadilan dalam hal ekonomi. Perkara berkaitan federalisme atau Negara Persekutuan begitu jelas dalam Perlembagaan, tetapi agak terhad dalam Rukun Negara. Begitu juga dimensi berkaitan kebebasan asasi.

Benar jika dikatakan bahawa mukadimah perlu memberikan dimensi lebih luas berbanding teks Perlembagaan kerana ia adalah pengenalan. Namun, pengenalan yang meletakkan dimensi terlalu luas berpotensi memberikan gambaran tidak tepat dalam pengisian teks Perlembagaan itu sendiri.

Hal berkaitan 'Kepercayaan kepada Tuhan' juga saya percaya, tidak sudah-sudah akan menjadi polemik. Ia mewajibkan setiap rakyat Malaysia mempunyai Tuhan. Kedua, ia tidak menyebut mengenai kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Berkaitan kebebasan hak asasi, saya fikir, ia perlu dibahaskan dengan lebih terperinci. Hasil kajian pada 2010 yang diterbitkan oleh Oxford University Press menyatakan bahawa: "In many countries, the preamble has been used, increasingly, to constitutionalise unenumerated rights; The preamble should not be used as a Trojan Horse intended to smuggle substantive rights".

Pengalaman Kanada juga seperti dinyatakan dalam Laporan Constitutional Reform Unit yang diterbitkan The University of Sydney pada 2011: "The Canadian courts have been more inclined... to find substantive constitutional measures in their constitutional preambles, including what some have regarded as an 'implied bill of rights'..."

Walaupun hasil kajian ini bukan berkaitan negara kita, tetapi itu keimbangan yang ada dalam kedudukan mukadimah Perlembagaan.

### **Sejarah berbeza**

Perkara kedua, sejarah gubalan Perlembagaan Persekutuan berbeza dengan sejarah kewujudan Rukun Negara. Dalam membentuk Perlembagaan, kita dapati pelbagai pihak terbabit, terutama Raja-Raja Melayu dengan pelbagai memorandum dan mesyuarat. Prosesnya lebih panjang dan lebih banyak pihak terbabit. Namun Rukun Negara, walaupun prosesnya rumit, ia membabitkan MAGERAN.

Maka kelahiran Rukun Negara adalah hasil gerakan rakyat bertujuan mengembalikan perpaduan yang sudah rapuh. Oleh itu, keduanya mempunyai sejarah berbeza.

Walaupun mukadimah kepada Perlembagaan mempunyai kepelbagaiannya, antara ciri mukadimah biasanya ia mengandungi perkara berkaitan sejarah. Oleh itu, mukadimah bagi Perlembagaan kita tidak boleh digunakan untuk mengubah landskap sejarah negara yang melingkari gubalan Perlembagaan pada 1956 dan 1957, bahkan sebelum itu.

Walaupun Rukun Negara yang diisytihar pada 1970 itu mengambil kira sejarah 1957 dan pembentukan Malaysia 1963, pada asal kewujudannya, ia tidak diniatkan sebagai mukadimah kepada Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun Rukun Negara diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong, ia tidak menjelaskan mengenai peranan Raja-Raja Melayu dan tiada tandatangan perkenan baginda seumpama perjanjian pembentukan Tanah Melayu.

Daripada perspektif perundangan, sekiranya Rukun Negara dijadikan mukadimah kepada Perlembagaan, perkara yang paling ketara ialah ia menjadi sebahagian daripada Perlembagaan dan sekali gus membentuk sebahagian daripada undang-undang tertinggi negara.

Perkara seterusnya ialah, walaupun pengalaman negara lain, seperti Amerika Syarikat dan India, mukadimah Perlembagaan tidak mengikat teks Perlembagaan, tetapi ia bukan suatu yang mutlak. Ada hakim memutuskan mukadimah mengikat teks Perlembagaan.

Bahkan, kemungkinan untuk berlaku konflik antara matlamat negara yang ada dalam Rukun Negara akan menjadi isu tafsiran kepada kandungan Rukun Negara itu sendiri. Sebagai contoh, matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara demokratik, tetapi pada masa sama prinsipnya menyatakan bahawa setiap warganegara mempunyai kepercayaan kepada Tuhan.

### **Timbul masalah tafsiran**

Adakah peruntukan ini kelak akan menafikan hak seseorang untuk tidak mempunyai Tuhan dalam skop demokrasi di Malaysia?

Peruntukan sebegini tidak bermasalah sekiranya ia berada di luar Perlembagaan seperti sekarang. Tetapi ia akan menimbulkan masalah tafsiran apabila berada dalam Perlembagaan kerana Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi.

Perbezaan matlamat negara dan perundangan bagi orang Islam pula, tidak boleh menukar agamanya, tetapi adakah maksud matlamat menjadi sebuah negara demokratik yang ada dalam matlamat negara akan memberikan 'hak' kepada orang Islam untuk menukar agamanya.

Malah, keadaan mungkin menjadi sukar apabila teks Perlembagaan tidak menggunakan istilah 'demokrasi' walaupun perkataan itu pernah disebut dalam Laporan Suruhanjaya Reid dan digunakan dalam Rukun Negara. Ini antara contoh konflik yang mungkin berlaku.

##### 5. Jawatankuasa Audit MARA belum panggil Annuar



*Datuk Dr Yusof Yacob. Foto Saifullizan Tamadi*

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman MARA yang menyiasat dakwaan salah guna kuasa oleh Tan Sri Annuar Musa berhubung tajaan pasukan bola sepak Kelantan oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL) serta Pelaburan MARA Berhad (PMB), diadakan pagi tadi.

Bagaimanapun, Annuar yang dijangka akan hadir pada mesyuarat itu bagi membantu siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasanya seperti yang dilaporkan beberapa media semalam, tidak dipanggil.

Pengerusi sementara MARA dan PMB, Datuk Dr Yusof Yacob, berkata mesyuarat dalaman itu tidak memanggil Annuar kerana siasatan jawatankuasa itu masih di peringkat awal.

"Tan Sri Annuar Musa tidak dipanggil hari ini, ini mesyuarat pertama kali yang diadakan ahli jawatankuasa.

"Saya tidak pasti berapa kali mesyuarat itu akan diadakan, mungkin beberapa kali... biar ahli jawatankuasa buat kerja, tidak perlu publisiti pun.

"Saya tidak terbabit dalam mesyuarat itu. Saya serahkan kepada jawatankuasa untuk menetapkan bila akan panggil Annuar," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Yusof dilaporkan berkata ahli Jawatankuasa Audit Dalaman MARA mungkin akan memanggil Annuar pada mesyuarat hari ini bagi memberi keadilan kepadanya untuk menjelaskan dakwaan salah guna kuasa berkenaan.

Kira-kira 20 petugas media mula berkumpul di Ibu Pejabat MARA di sini, seawal jam 7.30 pagi tadi, bagi membuat liputan perjalanan mesyuarat itu, namun beberapa pegawai MARA memaklumkan mereka tidak mengetahui mengenai mesyuarat itu, mahupun kehadiran Annuar.

Yusof bagaimanapun tidak mendedahkan nama-nama ahli Jawatankuasa Audit Dalaman MARA yang terbabit dengan mesyuarat berkenaan.

Sementara itu, Annuar yang dihubungi berkata beliau tidak dimaklumkan atau dipanggil ke mesyuarat berkenaan.

"Saya tidak tahu menahu, langsung tidak dipanggil atau dimaklumkan. Kena tanya MARA," katanya

Dapatkan BH PLUS.



Jumaat, 10 Februari 2017

#### 6. Sektor perindustrian Malaysia dijangka terus positif



*Rajiv Biswas*

KUALA LUMPUR: Pengeluaran perindustrian Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan positif tahun ini, kata Ketua Pakar Ekonomi Asia Pasifik bagi IHS Global Insight, Rajiv Biswas.

Beliau berkata, ia bakal disokong pertumbuhan positif dalam kesemua indeks, terutama perkembangan mantap sektor elektrikal dan elektronik (E&E), yang kekal segmen utama sektor pembuatan negara dengan menyumbang sekitar 35 peratus daripada jumlah eksport barang dagangan.

"Prestasi mantap sektor E&E negara dipacu momentum positif dalam pengeluaran semikonduktor. Ia dibantu pertumbuhan kukuh dalam permintaan global, yang dijangka berterusan sepanjang separuh pertama 2017," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan IHS Global Insight, hari ini.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat sederhana 4.7 peratus pada Disember 2016, berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan dalam kenyataan semalam, menyatakan peningkatan itu disokong pertumbuhan positif dalam kesemua indeks iaitu pembuatan (4.3 peratus), perlombongan (5.8 peratus) dan elektrik (6.1 peratus).

Menurut data Indeks Pembelian Elektronik Pengurus (PMI) global daripada IHS Markit, PMI Elektronik Global bagi Disember 2016 mencecah paras tertinggi sejak Jun 2010.

"Ia dipacu pengembangan ketara dalam pengeluaran, tempahan baharu dan pengambilan pekerja, dan terus mengisyaratkan pengembangan pada Januari. Ini menyokong tinjauan sektor pembuatan E&E Malaysia pada separuh pertama 2017," kata Rajiv.

Beliau menambah tinjauan sektor pembuatan Malaysia dalam jangka terdekat dijangka dibantu tinjauan ekonomi global dan Asia Pasifik bagi 2017.

IHS Global Insight, yang juga organisasi penyelidikan global, meramalkan rantau Asia Pasifik akan kekal rantau pertumbuhan paling pantas, dibantu pertumbuhan pesat dalam pasaran membangun utama Asia, iaitu China, India dan ASEAN.

Organisasi itu meramalkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia akan mengukuh kepada 2.8 peratus pada 2017 daripada 2.4 peratus pada 2016, disokong pertumbuhan KDNK Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh.

"Pertumbuhan global lebih kukuh akan menyediakan kesan impak positif terhadap sektor pembuatan Malaysia, yang turut dibantu penyusutan ringgit berbanding dolar AS sepanjang 2016," kata Rajiv.

## Info

\* Keluaran sektor pembuatan Malaysia meningkat 4.3 peratus pada Disember selepas mencatat pertumbuhan kukuh 6.5 peratus pada November 2016

\* Subsektor utama catat peningkatan pada Disember 2016 adalah produk petroleum, kimia, getah dan plastik (3.7 peratus), produk elektrik dan elektronik (5.3 peratus) serta makanan, minuman dan tembakau (8.8 peratus)

\* Keluaran sektor pelombongan catat pertumbuhan tinggi 5.8 peratus pada Disember 2016, selepas peningkatan 4.7 peratus pada November 2016

- \* Pertumbuhan dalam indeks gas asli (12.7 peratus) dan indeks minyak mentah (0.1 peratus) menyumbang kepada peningkatan itu
- \* Keluaran sektor elektrik meningkat 6.1 peratus pada Disember 2016, susulan perkembangan 9.7 peratus pada November 2016.



Selasa, 14 Februari 2017

#### **7. Perlis laksana projek pembangunan RM368 juta**

KANGAR: Satu projek pembangunan mega yang bakal menjadi mercu tanda negeri ini akan dibangunkan di Persiaran Jubli Emas, di sini, dalam tempoh terdekat membabitkan kos bermilai RM368 juta.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, berkata projek menelan belanja paling besar dalam sejarah negeri membabitkan usaha sama Safuan Group dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKNEPs).



*MENTERI Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man. - Foto Azhar Ramli*

Katanya, projek yang akan dibangunkan di atas tanah seluas 1.58 hektar berdekatan Hotel Putra Regency membabitkan tiga blok setinggi 42 tingkat.

"Pembinaannya membabitkan setiap blok mengandungi enam tingkat podium yang mempunyai pusat beli-belah, ruang pameran, panggung wayang dan medan selera.

"Selain itu, turut dibina hotel bertaraf lima bintang, kondominium, pangaspuri, kolam renang, gimnasium, sauna serta kemudahan 1,455 parkir kereta," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran projek pembangunan Kangar City Centre (KCC), di sini, hari ini.

Azlan berkata, projek pembangunan yang dijangka siap pada 2020 ini membabitkan dua fasa, di mana fasa pertama akan bermula dalam tempoh terdekat.

Katanya, pembangunan KCC ini adalah sebahagian usaha untuk menjadikan Perlis negeri bandaraya menjelang 2030.

"Apabila siap kelak, lebih 2,000 peluang pekerjaan menanti buat rakyat negeri ini, sekali gus meningkatkan lagi taraf hidup rakyat," katanya.



Selasa, 14 Februari 2017

#### 8. MAHB labur ratusan juta ringgit naik taraf lapangan terbang



*PENGARAH Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad, Datuk Badlisham Ghazali (kanan) berucap pada majlis Sambutan Ulangtahun ke-25 Malaysia Airports Holdings Berhad di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). - Foto Fariz Iswadi Ismail*

SEPANG: Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan melabur ratusan juta ringgit tahun ini bagi melaksanakan kerja pengubahaian dan pembesaran semua lapangan terbang di bawah pengendaliannya di seluruh negara.

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Badlisham Ghazali, berkata ia merangkumi kerja menaik taraf kemudahan termasuk tandas, tempat letak kereta dan surau, selaras dengan penambahan jumlah penumpangnya.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kini sudah berusia lebih 20 tahun dan mempunyai pelbagai kategori penumpang, sekali gus memerlukannya memenuhi pelbagai jangkaan.

"Berikutan kedudukan KLIA sebagai hab bagi jemaah umrah rantau ini berlepas ke Tanah Suci, aspek kemudahan seperti ruang surau turut diperbesarkan bagi keselesaan ibadat penggunanya.

"Selain itu, kuota letak kereta untuk pemilik premis di KLIA dan kakitangan MAHB juga akan dikurangkan bagi memberi laluan kepada penumpang meletak kereta," katanya kepada media selepas pelancaran sambutan ulang tahun MAHB ke-25 di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Badlisham berkata MAHB juga merancang membina bangunan satelit baharu KLIA pada masa depan, sekali gus menjadikan dua bangunan berkenaan bagi menghubungkan penumpang dari terminal utama.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh pembinaan bangunan satelit baharu itu tetapi menjelaskan ia sebagai persediaan jangkaan kedatangan penumpang yang kian bertambah.

Badlisham turut memaklumkan, MAHB kini mengendalikan lebih 35 juta penumpang setahun di KLIA berbanding keupayaan sebenar sebanyak 27 juta penumpang.

Pada masa ini, MAHB mengendalikan 38 lapangan terbang di Malaysia termasuk 18 lapangan udara dan pendaratan, selain Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha Gokcen di Turki.



Khamis, 16 Februari 2017

#### 9. KDNK 2016 tanda pemulihan ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR: Penganalisis berpendapat prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku keempat 2016 yang melebihi jangkaan menjadi petunjuk bermulanya pusingan pemulihan ekonomi negara.

Bank Negara, dalam satu kenyataannya tengah hari tadi, mengumumkan Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK 4.2 peratus bagi keseluruhan tahun 2016 dengan suku keempat meneruskan lonjakan kadar 4.5 peratus.

Walaupun kadar itu lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya, namun ia sejajar unjuran rasmi kerajaan untuk tahun lalu antara empat peratus hingga 4.5 peratus

Ketua Ahli Ekonomi, Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata prestasi sukuhan menunjukkan pemulihan ekonomi bermula suku kedua tahun lalu namun masih secara keseluruhannya masih rapuh.

Katanya, walaupun purata pertumbuhan pada suku kedua 2016 mencatatkan peningkatan ketara 4.4 peratus berbanding 4.1 peratus suku pertama 2016, rata-rata penganalisis masih bimbang dengan corak pertumbuhan perbelanjaan swasta.

"Purata pertumbuhan perbelanjaan swasta dari suku pertama 2010 hingga suku keempat 2016 adalah 6.9 peratus, maka pertumbuhan 6.2 peratus itu kira macam terlalu di bawah prestasi dan kita tahu sumbangan perbelanjaan swasta kepada KDNK melebihi 50 peratus.

"Ia selari dengan sentimen pengguna yang masih pesimistik, berdasarkan Indeks Sentimen Pengguna (CSI) yang dikeluarkan oleh pihak MIER yang berada pada paras 69.8 mata untuk suku ke empat," katanya kepada BH di sini, tengah hari tadi.

Mengulas prospek prestasi KDNK 2017, beliau berkata, kami mengunjurkan ekonomi akan bertumbuh pada kadar 4.4 peratus disokong pelaksanaan projek infrastruktur, peningkatan harga komoditi, pertambahan pelancong asing serta lonjakan eksport.

"Bagaimanapun, pengguna dijangka akan lebih berhati-hati berikutan kos sara hidup yang tinggi dan akan memberi kesan langsung terhadap corak penggunaan swasta yang sememangnya menjadi komponen terbesar dalam KDNK," katanya.

**10. Suspek kes PSV 'terbang' bebas dengan jaminan**

Sebahagian daripada sepuluh individu termasuk tujuh doktor, seorang kerani dan dua 'runner' diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) keluar dari Mahkamah Majistret setelah mendapat perintah reman dua hari. - Foto BERNAMA

GEORGETOWN: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang membebaskan 10 suspek termasuk tujuh doktor yang terbabit kes manipulasi pembaharuan Lesen Pengangkutan Kenderaan Awam (PSV).

Pengarahnya, Datuk Abdul Aziz Aban, berkata semua suspek dibebaskan dengan jaminan RM7,000 seorang pada jam 4.30 petang tadi.

"Semua suspek kes ini dibebaskan selepas tempoh tahanan reman dua hari yang dikeluarkan mahkamah tamat hari ini.

"Bagaimanapun kita akan membuat pendakwaan kes ini secepat mungkin sebaik siasatan kes ini dapat dilengkapkan," katanya ketika dihubungi BH, sebentar tadi.

Semalam, tujuh doktor, dua orang tengah dan seorang pembantu klinik direman selepas dipercayai terbabit dalam kes manipulasi pembaharuan PSV di negeri ini, sejak 10 tahun lalu.

Ketujuh-tujuh doktor terbabit didakwa menyalahgunakan profesion mereka dengan meluluskan borang permohonan pemeriksaan kesihatan tanpa melakukan sebarang pemeriksaan terhadap pemandu terbabit.

Semua suspek ditahan menerusi Operasi Cergas, membabitkan serbuan serentak terhadap tujuh klinik sekitar Bukit Mertajam, Batu Feringgi, Pekan Lama, Gelugor dan Prai, pada jam 3 petang kelmarin.



Ahad, 19 Februari 2017

### 11. PM teliti masalah pencemaran sungai



**CATATAN Datuk Seri Najib Razak di laman Facebooknya.**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri akan meneliti kesan pencemaran yang tidak terkawal sehingga memberi kesan kepada sungai dan pembangunan di negara ini.

Menerusi catatan di Facebooknya sebentar tadi, Datuk Seri Najib Razak, bimbang situasi itu boleh mengurangkan daya tarik di kawasan sekitar berikut terdapat laporan bahawa sepanjang tebing sungai berkenaan tidak sesuai untuk berjalan.

Beliau memberi contoh Masjid Jamek di Kuala Lumpur yang tersergam indah di tengah hiruk-pikuk kesibukan kota memiliki kaitan unik dengan sungai.

"Ia bukan setakat masjid tertua di negara. Masjid ini juga menyimpan keunikan titik pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak.

"Kalau dibandingkan dengan negara maju lain seperti di New York, Paris dan Korea Selatan, kawasan sepanjang perairan dan sungai begitu meriah dengan aktiviti ekonomi di samping riadah oleh pelancong serta keluarga.

"Pelbagai inisiatif sudah dilaksanakan dan banyak lagi usaha perlu dipertingkatkan untuk memulihkan semula sungai kebanggaan kita ini.

"Insya-Allah saya akan meneliti perkara ini dalam masa terdekat," katanya.



Rabu, 22 Februari 2017

## 12. Dua lelaki dituduh terima RM10.3 juta ubah wang haram



**TERTUDUH** Nor Hazani Yahya (dua dari kiri) dan Mohd Najib (dua dari kanan) dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Jenayah Seremban atas pengubahan wang haram. - Foto Hasriyasyah Sabudin

SEREMBAN: Dua lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas 11 pertuduhan menerima RM10.3 juta daripada aktiviti pengubahan wang haram, pada tahun 2014 dan 2015.

Mohamad Najib Kamis, 40, dan Noor Hazaini Yahya, 44, membuat pengakuan itu di dua mahkamah berasingan di depan Hakim G Ramesh dan Hakim Fathiyah Idris.

Mohamad Najib didakwa atas empat pertuduhan menerima wang lebih RM1.3 juta hasil aktiviti pengubahan wang haram ke akaunnya di tiga bank berasingan di daerah Nilai, antara 25 Oktober 2014 hingga 30 Januari 2015.

Noor Hazaini pula didakwa atas tujuh pertuduhan melakukan kesalahan sama membabitkan lebih RM8.9 juta ke akaunnya di lima bank berasingan di daerah ini dan Nilai, antara 8 Ogos 2014 hingga 29 Januari 2015.

Mereka didakwa mengikut Sub Seksyen 4 (1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Ashikin Mokhtar. Mohamad Najib diwakili peguam Datuk Hanif Hassan manakala Noor Hazaini diwakili Mohd Harris Abdullah dan Mohd Faizi Che Abu.

Mahkamah membenarkan Mohamad Najib diikat jamin RM30,000 dan Noor Hazaini RM8,000 serta kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.



Khamis, 23 Februari 2017

### 13. Pengarah, tiga individu ditahan SPRM kes suapan bulanan



*PENGARAH sebuah jabatan kerajaan di Ipoh dan tiga individu lain direman lima hari bagi membantu siasatan kes menerima suapan bulanan antara RM1,000 hingga RM10,000 daripada pengusaha rumah urut dan pusat hiburan. - Foto Abdullah Yusof*

IPOH: Pengarah sebuah jabatan kerajaan di negeri ini dan tiga individu lain direman lima hari bagi membantu siasatan kes menerima suapan bulanan antara RM1,000 hingga RM10,000 daripada pengusaha rumah urut dan pusat hiburan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Hanum Mohamad Sah bagi membolehkan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pengarah berusia 57 tahun itu serta tiga yang lain iaitu dua ahli perniagaan masing-masing masing berusia 30 tahun dan seorang mekanik berusia 26 tahun ditahan sepasukan pegawai penguasa SPRM di beberapa lokasi di bandar raya ini antara jam 12.30 tengah malam tadi hingga jam 5.30 pagi tadi.

Difahamkan pengarah dan tiga individu berkenaan berkenaan menerima bayaran bulanan antara RM1,000 hingga RM10,000 daripada pengusaha pusat hiburan dan rumah urut yang beroperasi di Perak.

Pengarah SPRM Perak, Datuk Nooraziah Abd Manaf, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan tetapi enggan mengulas lanjut.



Jumaat, 24 Februari 2017

#### **14. Bekas YDP disiasat SPRM dibebas dengan jaminan**

SEREMBAN: Bekas Yang Dipertua (YDP), pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dibebaskan dengan jaminan, semalam.

Peguam suspek, Datuk Hanif Hassan, berkata bekas YDP terbabit dibebaskan dengan wang jaminan RM15,000.

"Buat masa ini, kita belum dimaklumkan mengenai tarikh dia akan dituduh di mahkamah," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

YDP bergelar Datuk itu ditahan dalam operasi SPRM pada 13 Februari lalu kerana dipercayai terbabit dalam perbuatan salah guna kuasa ketika memegang jawatan Pegawai Daerah, selain ketika menerajui majlis perbandaran itu, antara September hingga Ogos tahun lalu.

Tempoh reman dia sepatutnya berakhir hari ini.

Mengikut siasatan SPRM, antara bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh YDP itu, termasuk bercuti bersama dua kontraktor di Medan, Indonesia.

Pakej percutian itu dikatakan termasuk bermain golf yang ditaja oleh kontraktor terbabit . Selain itu, sebuah kenderaan Toyota Camry juga dibelikan oleh kontraktor terbabit untuk kegunaannya



Jumaat, 24 Februari 2017

### 15. Siasatan masih berjalan, elak spekulasi: Hishammuddin



*MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. - Foto Khairull Azry Bidin*

LANGKAWI: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau belum menerima laporan penuh dan terperinci mengenai penahanan seorang Leftenan Kolonel dan Staf Sarjan berhubung siasatan kes rasuah, semalam.

Sehubungan itu, katanya, beliau meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung penahanan yang dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu.

Katanya, adalah tidak wajar untuk menjatuhkan hukuman terhadap pegawai dan anggota terbabit kerana ia masih di peringkat siasatan.

"Ia masih dalam proses siasatan dan jika mereka didapati bersalah pastinya ia tidak terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang.

"Saya, Kementerian Pertahanan dan kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pastinya tidak akan sesekali melindungi individu yang melakukan kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Menteri Pameran LIMA '17 di sini hari ini.

BH hari ini melaporkan SPRM menahan seorang Lettenan Kolonel yang bertugas di Wisma Angkatan Tentera Malaysia kerana dipercayai terbabit dengan aktiviti rasuah.

Suspek berusia 57 tahun itu ditangkap di pejabat SPRM Temerloh, Pahang kira-kira 2.30 petang ketika hadir untuk memberi keterangan berhubung siasatan kes yang membabitkan dirinya.

Suspek dipercayai menerima 'keuntungan atas angin' daripada lebih 50 syarikat dilantik menjalankan kerja penyelenggaraan di Unit Senggaraan Zon Timur.



Jumaat, 24 Februari 2017

#### 16. Lettenan Kol, Staf Sarjan direman seminggu kes rasuah



*ANGGOTA Suruhanjaya Percegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa pegawai tentera berpangkat Lettenan Kolonel (kanan) dan anggotanya berpangkat staf sarjan untuk mendapat perintah tahanan reman selepas ditahan kerana dipercayai terbabit menerima suapan daripada pelbagai kontraktor proksi di Kompleks Mahkamah Indera Mahkota. - Foto Zulkepli Osman*

KUANTAN: Seorang Lettenan Kolonel dan seorang Staf Sarjan direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret bermula hari ini, bagi membantu siasatan kes rasuah.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nurunaim Abdullah di Mahkamah Majistret Kuantan.

Mereka ditahan semalam ketika dipanggil untuk direkodkan keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Temerloh dan Kuantan.

Leftenan Kolonel yang bertugas di Unit Senggaraan Zon Timur, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) ditahan pada jam 2.30 petang semalam, dipercayai menerima suapan daripada kontraktor proksi, termasuk syarikat milik ayahnya dan isterinya adalah pengarah syarikat terbabit.

Susulan itu, SPRM turut menahan seorang Staf Sarjan yang bertugas di BPKP Zon Pahang.

Suspek berusia 44 tahun itu ditahan kira-kira jam 8.40 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Kuantan.

Kedua-dua suspek adalah Penyelia Senggaraan Kawasan Temerloh, Pahang dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Mereka dipercayai terbabit dalam meluluskan puluhan projek kepada syarikat berkepentingan sejak beberapa tahun lalu.



Selasa, 28 Februari 2017

### 17. Bekas pengarah Jabatan Air Sabah dibicara mulai 4 Julai

KOTA KINABALU: Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu menetapkan 4 Julai ini sebagai tarikh mula bicara kes pengubahan wang haram membabitkan bekas Pengarah Jabatan Air Sabah dan isterinya serta seorang bekas timbalan pengarah jabatan berkenaan.

Hakim Abu Bakar Manat yang mendengar sebutan semula kes itu hari, ini turut menetapkan 4 depan untuk pengurusan kes.

Perbicaraan kes dijadualkan sepanjang Julai dan Ogos bermula pada 4 hingga 7 Julai, diikuti 25 hingga 28 Julai, 8 hingga 11 Ogos dan 22 hingga 25 Ogos.

Pihak pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwaraya Husmaruddin Hussin memberitahu mahkamah, pihaknya akan memanggil kira-kira 200 saksi sepanjang perbicaraan.

Pada 29 Disember lalu, bekas pengarah Jabatan Air Negeri Sabah, Awang Mohd Tahir Mohd Talib, 55, dan isterinya, Fauziah Piut, 52, serta bekas penasihat teknikal dan kejuruteraan Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Lim Lam Beng, 63, mengaku tidak bersalah terhadap 37 pertuduhan menyeleweng dana infrastruktur berjumlah RM61.48 juta.




**AWANG Mohd Tahir (kanan) diiringi anggota SPRM di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu untuk sebutan semula kes berhubung pengubahan wang haram membabitkan nilai RM61.48 juta.**



Isnin, 27 Februari 2017

#### **18. 4 Pegawai JAINJ dibebas dengan jaminan SPRM**



**JOHOR BAHRU:** Empat pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan kes rasuah dan salah guna kuasa, dibebaskan dengan jaminan suruhanjaya itu, di sini hari ini

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, berkata mereka dibebaskan dengan jaminan SPRM masing-masing RM10,000, di Pejabat SPRM negeri, pada jam 2 petang tadi.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut kes itu dan menjelaskan siasatan kes berkenaan masih dijalankan.

Semua pegawai itu termasuk dua yang terbabit dalam badan sukan dan kebajikan sebelum ini ditahan reman selama tujuh hari sehingga esok.

Dua pegawai kanan JAINJ berusia 55 dan 40 tahun ditahan di pejabat SPRM Johor ketika hadir memberi keterangan berhubung siasatan berkaitan menyalahgunakan kedudukan mereka di Bahagian Undang-undang Syariah JAINJ dengan meluluskan permit penganjuran kursus praperkahwinan Islam tanpa melalui prosedur.

Kedua-dua suspek dipercayai meluluskan permit penganjuran kursus praperkahwinan Islam menerusi badan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan oleh Bahagian Undang-undang Syariah JAINJ dan sejak tahun 2015 hingga 2016 dengan kutipan bayaran peserta kursus berjumlah RM130,000 dimasukkan ke dalam akaun badan itu.

Dalam kes berasingan, dua pegawai kanan Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru dan negeri ditahan SPRM kerana disyaki menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat percetakan buku yang mencetak buku bagi Sekolah Agama Rakyat Negeri Johor.

Kedua-duanya yang berusia 45 dan 55 tahun masing-masing ditahan selepas disyaki menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat pencetak buku sebagai balasan memberi projek mencetak buku dan kitab Sekolah Agama Rakyat yang dianggarkan bernilai RM5 juta sejak 2015 sehingga sekarang.